

MAHATHIR-PENDATANG

1978
IPOH, 26 NOV. (BERNAMA) — MALAYSIA MEMANDANG BEGITU SERIUS MASALAH YANG DITIMBULKAN OLEH PENDATANG-PENDATANG HARAM DARI VIETNAM, KATA TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

KATANYA, LANGKAH-LANGKAH TELAH DIAMBIL UNTUK MEMPASTIKAN TIDAK SEORANGPUN DARI MEREKA DIBENARKAN MENDARAT.

BERCAKAP KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MENGHADIRI MESYUARAT DENGAN KETUA-KETUA BAHAGIAN UMNO NEGERI DI KEDIAMAN MENTERI BESAR DI SINI, BELIAU BERKATA, ADA KEMUNGKINAN ANASIR-ANASIR KOMUNIS BERCAMPUR GAUL DENGAN PENDATANG-PENDATANG HARAM ITU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENAMBAH, KEMASUKAN MEREKA SECARA BERAMAI-RAMAI KE PERAIRAN MALAYSIA TELAH MENIMBULKAN BERBAGAI MASALAH KEPADA NEGARA INI.

+KITA TERPAKSA MENINGKATKAN RONDAAN LAUT YANG MELIBATKAN LEBIH BANYAK KAPAL UNTUK MELINDUNGI KAWASAN PANTAI KITA,+ KATANYA. — BERSAMBUNG 2021/AI

11

B601:

MAHATHIR-PENDATANG 2 IPOH

DI SAMPING ITU, PARA PEGAWAI PERUBATAN JUGA TERPAKSA DITUGASKAN UNTUK MENJAGA KESIHATAN MEREKA.

TIMBALAN PERDANA MENTERI JUGA MENYATAKAN BAHAWA PERBUATAN MEMBELANJAKAN DOLAR AMERIKA DENGAN SEWENANG-WENANGNYA OLEH PENDATANG-PENDATANG ITU JUGA TELAH SECARA TIDAK LANGSUNG MENJEJAS PENDUDUK TEMPATAN.

MENGENAI MESYUARAT ITU, BELIAU MENGUMUMKAN BAHAWA ENCIK KHALID NASIR TELAH DILANTIK SEBAGAI SETIAUSAHA JAWATANKUASA PERHUBUNGAN UMNO NEGERI, DATUK TAJUDDIN ALI SEBAGAI BENDAHARI DAN HAJI SAIDIN BIN MAT PIAH SEBAGAI KETUA PEGAWAI PENERANGAN.

MENTERI BESAR, DATUK SERI WAN MOHAMED BIN HAJI WAN TEH TETAP SEBAGAI TIMBALAN PENERUSI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA PENERUSI UMNO PERAK BERKATA, SEBUAH JAWATANKUASA TELAH DIBENTUK UNTUK MENGAWASI PERUNTUKAN KEWANGAN BAGI BAHAGIAN UMNO DI NEGERI INI. — BERNAMA 2024/AI